



PORT KLANG FREE ZONE SDN BHD (708970-U)
P.O. Box 261, Jalan Pelabuhan,
42009 Port Klang, Selangor D.E., Malaysia
Jalan FZ 2-P5, Port Klang Free Zone / KS 12,
42920 Pulau Indah, Selangor Darul Ehsan
Tel : +603 3101 5568
Fax : +603 3101 4489
E-mail : info@pkfz.com
Website : www.pkfz.com

Press Clipping

ZON BEBAS PELABUHAN KLANG LANTIK PENGARAH URUSAN BARU

KUALA LUMPUR, 3 April (Bernama) -- Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ), zon perdagangan dan perindustrian bebas bersepadu penuh pertama Malaysia melantik Noel Gulliver sebagai pengarah urusan barunya untuk menerajui kumpulan itu.

Gulliver, yang berpengalaman selama 30 tahun dalam perniagaan logistik pernah berkhidmat dalam pengurusan kanan dan serantau bagi syarikat multinasional seperti CF/Emery Worldwide, Maersk Logistics, Roadway, Schenker dan Jardine Logistics.

FKFZ dalam satu kenyataan hari ini berkata Gulliver akan menggunakan kepakaran dan pengalaman luasnya untuk membangunkan projek dan perniagaan baru di Asia dalam spektrum perniagaan logistik yang besar -- lautan, udara, logistik bersepadu dan pengurusan kemudahan.

PKFZ, yang dimiliki Lembaga Pelabuhan Klang dijangka dibuka pada suku ketiga tahun ini.

Ia direka bentuk, diurus dan dipasarkan oleh Jebel Ali Free Zone Authority (JAFZA) International.

-- BERNAMA

Taken from: bernama.com